



# AKADEMIA

DINAMISME dalam tugas kumpulan mendedahkan mahasiswa kepada realiti alam pekerjaan kelak - Gambar hiasan

## MPP MASIH RELEVAN

Sebagai entiti yang mewakili aspirasi dan inspirasi mahasiswa di institusi pengajian tinggi

### FOKUS

Oleh Sullati Asri  
sullati@metro.com.my

**Kewujudan** badan pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atau kesatuan pelajar universiti bermula sejak tarikh penubuhan mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT).  
Ini menunjukkan kepentingannya kepada ekosistem pengajaran dan pembelajaran sesebuah IPT.  
Sifat kepemimpinan, keberanian berkongsi pendapat dan pengalaman berorganisasi, adalah beberapa kualiti diri yang

bakal diperoleh pelajar yang terabit dengan MPP. MPP atau kesatuan pelajar bertindak mewakili mahasiswa dalam segala hal dan menyuarakan isi hati serta pandangan.  
Mereka juga berperanan membantu pihak pengurusan dalam mengenal pasti keperluan dan kebajikan pelajar.  
Namun kini, dengan perkembangan teknologi, sesiapa saja mampu menyampaikan segala pendapat terus kepada pihak berwajib.

Platform media sosial seperti Facebook, Telegram, WhatsApp memudahkan lagi pelajar berurusan terus dengan pihak universiti.  
Justeru, adakah fungsi MPP kini masih relevan dengan adanya media sosial yang membenarkan sesiapa sahaja berinteraksi atau menyampaikan permasalahan dihadapi dengan pihak berwajib, tanpa melalui MPP atau kesatuan pelajar?  
Presiden Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) Muhammad Haziq Azfar

Ishak berkata, jika MPP menjadi badan yang benar-benar membawa suara mahasiswa kepada semua pihak dan menjadi pendesak seperti NGO yang lain, maka MPP sepanjang zaman akan menjadi relevan kepada mahasiswa.  
Bagaimanapun, sekiranya peranan MPP hanya sekadar untuk menghebahkan apa yang berlaku mengenai perkembangan ketika cuti atau polisi semasa universiti, maka baginya MPP ini tidak relevan.

"Kini, semua mempunyai Facebook, Telegram dan banyak lagi platform media sosial yang memudahkan perhubungan kepada semua pihak.  
Jadi, MPP atau kesatuan pelajar perlu menjadi badan yang benar-benar membawa suara mahasiswa kepada semua pihak.  
"Walaupun ia mungkin sukar diterima pihak universiti, tapi MPP perlu mempertahankan apa yang dirasakan adalah aspirasi kolektif mahasiswa

terhadap satu-satu isu berkaitan kebajikan mereka," katanya.  
Menyentuh soal langkah terbaik dalam menjadikan MPP sebagai medium pelajar mengutarakan permasalahan mereka, kata Muhammad Haziq ada beberapa garis panduan yang mungkin boleh dilakukan perwakilannya.  
"Sebagai wakil pelajar, kita seharusnya mudah didekati, rajin menjawab telefon atau membalas mesej dan tunjukkan kita juga adalah pelajar sama seperti mereka.



BADAN pelajar akan terus relevan apabila cakna dengan isu-membabitkan golongan masyarakat terpinggir - Gambar hiasan



PENYERTAAN dalam aktiviti badan pelajar akan mendedahkan mahasiswa kepada kepelbagaian pemikiran dan latarbelakang - Gambar hiasan

"Kita juga perlu cepat bertindak kerana ada kalanya isu yang dibangkitkan mahasiswa. Ini kerana, sebagai perwakilan pelajar, kita terabit dengan banyak mesyuarat dengan pihak universiti.  
"Jadi, kita ada ruang untuk mengetahui langkah yang perlu diambil sekali gus dapat menyelesaikan masalah dihadapi dengan cepat," katanya.  
Sementara itu, Sekretariat Keusahawanan MPP Universiti Putra Malaysia (UPM) Nazrul Irfanradi Nazarulanuar pula berkata, MPP masih relevan dan akan menjadi terus relevan pada masa akan datang.  
Menurutnya, walaupun media sosial membenarkan sesiapa sahaja untuk berinteraksi dengan pihak berwajib, dia yakin dan percaya bahawa setiap perkara mesti mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang perlu patuhi.  
"MPP sebagai penghubung antara pihak berwajib universiti dan pelajar. Ia juga saluran utama bagi pelajar untuk menyampaikan apa juga perkara kepada pihak universiti.

"Bagaimanapun, sebelum ia sampai kepada pihak berwajib atau dikenali sebagai 'decision maker' permasalahan atau pendapat itu perlu terlebih dahulu sampai kepada MPP supaya mana mana perkara yang boleh diselesaikan tanpa campur tangan pihak berwajib, boleh diselesaikan di peringkat MPP saja," katanya.  
Tanggungjawab sebagai MPP adalah mandat yang diberikan pelajar untuk menjaga kebajikan dan kepentingan mereka di universiti.  
Jadi, kata Nazrul Irfanradi, setiap MPP perlulah bergerak lebih aktif dan proaktif bagi mengetahui sendiri masalah yang dihadapi pelajar daripada sekadar hanya menunggu mereka datang.  
"Sebagai perwakilan pelajar saya mengguna pakai konsep 'Open Door Policy' iaitu mana-mana pelajar tidak mengira kaum, bangsa dan agama boleh datang kepada saya untuk memberitahu masalah dihadapi dan cuba membantu.  
"Selain itu, saya juga akan menyelesaikan apa jua masalah yang sudah lama dihadapi pelajar di fakulti saya," katanya.



KEBOLEHAN melontar pendapat secara terhormat merupakan ciri pemimpin pelajar yang dicari - Gambar hiasan



MPP sebagai penghubung antara pihak berwajib universiti dan pelajar. Ia juga saluran utama bagi pelajar untuk menyampaikan apa juga perkara kepada pihak universiti

**NAZRUL IRFANRADI**

Badan pelajar akan terus relevan di menara gading sebagai tempat untuk mahasiswa cuba mengambil peranan sebagai ejen perubahan masyarakat dari peringkat perancang sampailah ke pelaksana

**DR NAHRIZUL ADIB**

Salah satu permasalahan yang dapat diselesaikan Nazrul Irfanradi adalah mengubah waktu latihan industri.  
"Latihan industri bagi pelajar perakaunan di UPM diadakan ketika semester enam tetapi ramai pelajar yang mahukan ia dijalankan pada semester lapan.  
"Oleh itu, saya sendiri membuat kertas cadangan dan mendapatkan maklum balas daripada hampir seluruh pelajar perakaunan di fakulti, seterusnya menghantarnya kepada pihak berwajib.  
"Alhamdulillah, akhirnya permohonan bagi anjakan latihan industri pelajar Bachelor Perakaunan berjaya diluluskan senat UPM. Kejayaan itu juga dibantu pihak pengurusan termasuk Timbalan Dekan (Praxiswazah dan Alumni) Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM Prof Madya Dr Norashidah Mohamed Nor dan Ketua Jabatan Perakaunan UPM Dr Ridwana dari segi penghasilan serta penghantaran kertas

"Seperti mana aspek kehidupan mahasiswa yang lain, sifat agresif dan kompetitif yang ditunjukkan mereka seharusnya dilihat sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran.  
"Jika semua pihak dapat melihatnya sebagai proses pembelajaran, ini bakal menghasilkan pelapis pemimpin negara yang matang dan tidak mudah melatah apabila berdepan dengan isu sensitif," katanya.

"Badan pelajar akan terus relevan di menara gading sebagai tempat untuk mahasiswa cuba mengambil peranan sebagai ejen perubahan masyarakat dari peringkat perancang sampailah ke pelaksana



MPP bertindak mewakili mahasiswa dalam segala hal dan menyuarakan isi hati serta pandangan - Gambar hiasan

cadangan terbabit kepada pihak atasan UPM," katanya.  
Sementara itu, Profesor Madya Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan Fakulti Kejuruteraan UM, Dr Nahrizul Adib Kadri berkata, sebagai entiti yang mewakili aspirasi dan inspirasi mahasiswa di institusi pengajian tinggi, badan pelajar akan kekal relevan.  
Menurutnya, apa yang perlu difahami semua pihak ialah kerelevanan ini perlu mengambil kira aspek pengurusan harapan ('managing expectations').  
"Badan pelajar akan terus relevan di menara gading sebagai tempat untuk mahasiswa cuba mengambil peranan sebagai ejen perubahan masyarakat dari peringkat perancang sampailah ke pelaksana.  
"Proses ini akan berhasil jika kegiatan mereka terus dipantau melalui mekanisme yang dinamik dan bersifat terbuka," katanya.  
Kata Dr Nahrizul Adib, kini mahasiswa mempunyai lebih banyak ruang untuk mengekspresikan diri dan pendapat politik selagi mana ia dilaksanakan melalui platform dan ekosistem yang terbuka serta saling menghormati.